

## **Pengaruh Iklim Organisasi Terhadap Kepuasan Kerja Guru Akademik di Pusat Tingkatan Enam**

### **ABSTRACT**

Pekerja yang tidak mengalami kepuasan kerja akan menyebabkan mereka hilang keseronokan dan kegembiraan untuk meneruskan sesuatu pekerjaan yang antara lain akan menyebabkan berlakunya penurunan motivasi, prestasi, komitmen, dan berniat untuk berhenti kerja. Ini akan memberi kesan negatif jangka panjang kepada organisasi seperti membuka peluang kepada pesaingnya. Oleh itu, pengamalan iklim organisasi yang sihat dan positif adalah perlu untuk meningkatkan tahap kepuasan kerja guru demi kejayaan matlamat organisasi. Kajian terkini yang telah dilakukan mendapati iklim organisasi yang terdiri daripada empat dimensi iaitu kepemimpinan kolektif, tingkah laku guru yang profesional, penekanan kepada pencapaian dan pendedahan institusi mempunyai potensi untuk mempengaruhi kepuasan kerja guru. Dalam kajian ini, akan mengkaji pengaruh iklim organisasi terhadap kepuasan kerja guru. Terdapat lima faktor kepuasan kerja guru dalam kajian ini iaitu peluang kenaikan pangkat, gaji, penyeliaan, prosedur kerja, dan rakan sekerja. Kajian tinjauan ini berdasarkan soal selidik Organizational Climate Description Questionnaire (OCDQ) yang dibina oleh Hoy, Smith dan Sweetland (2002), untuk mengukur iklim organisasi dan gabungan dua instrumen soal selidik untuk mengukur kepuasan kerja iaitu Job Satisfaction Survey (JSS) oleh Spector (1985), dan Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ) oleh Weiss, Dais, England dan Lofquist (1967). Analisis kuantitatif dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics Version 24, terhadap 50 orang guru akademik di Pusat-pusat Tingkatan Enam di daerah Penampang, Sabah. Dapatan yang diperolehi mendapati bahawa iklim organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kepuasan kerja guru akademik, skor min kepuasan kerja dan iklim organisasi berada pada tahap sederhana, tetapi kepuasan kerja berdasarkan pengalaman mengajar pada tahap tinggi, dan tidak terdapat perbezaan signifikan antara gender